



DOKUMEN AWAL
DESKRIPSI TUGAS
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(Laluan Pengajaran & Pembelajaran dan Kepimpinan)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Edisi 2016

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia
Tel: 03-8884 1144
Faks: 03-8889 3507
www.moe.gov.my

Hakcipta
© Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

Sebarang kandungan tidak boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada pihak penerbit Kementerian Pendidikan Malaysia.

Cetakan Pertama 2016

PENASIHAT

Dato' Haji Mahmud bin Karim Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru

PENGURUS PROGRAM

Rosnarizah binti Abdul Halim
Inisiatif#10: Pelaksanaan Piagam Guru
Bahagian Pendidikan Guru

Datin Sitti Haishah binti Abd Rahman
Pegawai Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

SIDANG EDITOR

Noor Zaila binti Wahab, Ph.D.
Rosli bin Yacob, Ph.D.
Muhammad Zaini bin Mohd Zain, Ph.D.
Haji Sa'aid bin Mo'min
Sharani bin Mohd Said
Aida binti Mohd Anip
Rossheta binti Abdul Rahman
Aziela binti Shaarani

Faridah binti Lani
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

KANDUNGAN

Muka Surat

i) RINGKASAN EKSEKUTIF	5	
ii) SINGKATAN	6	
1.0 PENGENALAN	7	
1.1 Latar Belakang		
1.2 Pembangunan Deskripsi Tugas PPP		
1.3 Peranan dan Tanggungjawab PPP		
2.0 PANDUAN PENGGUNAAN	9	
2.1 Kerangka Deskripsi Tugas PPP		
2.2 Bidang Keberhasilan Utama PPP		
3.0 DESKRIPSI TUGAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN	12	
3.1 Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)		
3.1.1 Guru Akademik	13	
3.1.2 Pensyarah Institusi Pendidikan	27	
3.1.3 Guru Bimbingan dan Kanseling	31	
3.1.4 Pegawai Pusat Pendidikan Khas	40	
3.1.5 Fasilinus, SISC+ dan SIPartner+	44	
3.2 Laluan Kepimpinan		
3.2.1 Pemimpin Sekolah/Institusi Pendidikan	48	
3.2.2 Pemimpin Organisasi	54	
3.2.3 Kaunselor Organisasi	59	
Senarai Rajah dan Jadual		
Rajah 1.1:	Peranan PPP Mengikut Gred	8
Jadual 1.1:	Peranan dan Tanggungjawab PPP	8
Jadual 2.1:	Kerangka Deskripsi Tugas PPP	9
RUJUKAN		64
PENGHARGAAN		65

RINGKASAN EKSEKUTIF

Deskripsi tugas ialah pernyataan bertulis yang menerangkan tugas dan tanggungjawab berdasarkan bidang keberhasilan utama jawatan yang disandang oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) mengikut gred. Deskripsi tugas menjadi rujukan PPP untuk mengurus tugas dan perjawatan dalam sesebuah organisasi di KPM. Deskripsi tugas PPP dibangunkan berdasarkan Kerangka Latihan dan Pembangunan Berasaskan Pertumbuhan (Khair, 2007) yang menerangkan peranan, tugas dan tanggungjawab PPP bermula daripada gred DG41 hingga Gred Khas.

Komponen deskripsi tugas PPP merangkumi bidang keberhasilan utama, gred/tahap dan deskriptor. Tugas dan peranan yang perlu dilaksanakan mengikut gred/tahap berdasarkan bidang keberhasilan utama. Deskriptor menerangkan tugas secara terperinci. Deskripsi tugas dapat memandu pegawai penilai dalam melaksanakan aktiviti penilaian prestasi PPP secara objektif, adil dan telus. Selain daripada itu deskripsi tugas juga dapat membantu PPP mengenalpasti tahap pencapaian yang diharapkan kepadanya dan berusaha untuk meningkatkan kompetensi melalui pelbagai kaedah peningkatan profesionalisme secara berterusan.

Dokumen awal deskripsi tugas yang dibangunkan adalah terdiri daripada dua kategori PPP iaitu:

- a) PPP dalam laluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) iaitu:
 - i. Guru Akademik;
 - ii. Pensyarah Institusi Pendidikan;
 - iii. Guru Bimbingan dan Kaunseling;
 - iv. Fasilinus dan SISC+; dan
 - v. Pegawai Pusat Pendidikan Khas
- b) PPP dalam laluan kepimpinan iaitu:
 - i. Pemimpin Sekolah/Institusi Pendidikan;
 - ii. Pemimpin Organisasi;
 - iii. SIPartner+; dan
 - iv. Kaunselor Organisasi

Deskripsi tugas PPP mengandungi tiga perkara iaitu:

1.0 Pengenalan membincangkan anjakan keempat dan kelima dalam PPPM 2013-2025 yang memberi tumpuan untuk mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan dan menempatkan pemimpin yang berprestasi tinggi di setiap sekolah dan organisasi di KPM. Bab ini juga membincangkan pembangunan deskripsi tugas, peranan dan tanggungjawab PPP berdasarkan gred.

2.0 Panduan Penggunaan menjelaskan tentang tatacara penggunaan deskripsi tugas PPP untuk melaksanakan tugas dengan berkesan berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama menerangkan tentang komponen bidang keberhasilan utama bagi setiap kategori PPP.

3.0 Kandungan Deskripsi Tugas PPP menjelaskan perincian deskripsi tugas PPP mengikut kategori dan kumpulan PPP dari gred DG41 hingga Gred Khas

SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPB	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
SGM	Standard Guru Malaysia
KOMPAS	Kompetensi Pemimpin Sekolah
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Anjakan keempat dan kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada 6 September 2013 memberi tumpuan untuk mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan dan menempatkan pemimpin yang berprestasi tinggi di setiap sekolah. Guru dan pemimpin sekolah merupakan penggerak yang utama di peringkat sekolah untuk menentukan keberhasilan murid. Pemimpin di organisasi KPM pula memastikan perancangan yang berkaitan pendidikan negara dibuat secara holistik melalui dasar atau polisi serta inisiatif yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi mencapai matlamat profesion keguruan sebagai suatu profesion pilihan yang dinamik, Kementerian memperkenalkan Piagam Guru yang secara dasarnya mengubah cara pemilihan, pembangunan profesional berterusan (PPB) dan pemberian ganjaran sepanjang tempoh kerjaya seorang guru dalam tiga fasa gelombang pelaksanaan PPPM. Matlamat pendidikan negara adalah untuk mencapai kedudukan satu pertiga teratas dalam kalangan negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik di dunia. PPPM 2013-2025 digubal untuk merealisasikan matlamat ini.

Sehubungan dengan itu, setiap PPP perlu jelas tentang peranan, tugas dan tanggungjawab mereka serta mencapai standard kompetensi dan prestasi yang diharapkan. KPM telah membangunkan laluan kerjaya baharu melalui pembinaan deskripsi tugas, kompetensi, standard prestasi dan Penilaian Bersepadu PPP (PBPPP).

1.2 Pembangunan Deskripsi Tugas PPP

Deskripsi tugas PPP dibangunkan berdasarkan Kerangka Latihan dan Pembangunan Berasaskan Pertumbuhan (Khair, 2007) yang menerangkan peranan, tugas dan tanggungjawab PPP bermula daripada gred DG 41 hingga Gred Khas. Kandungan dalam deskripsi tugas PPP selaras dengan Standard Guru Malaysia (SGM), Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia, Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS) dan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang telah diguna pakai dalam membangunkan kompetensi profesional dan potensi PPP selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.3 Peranan dan Tanggungjawab PPP

Peranan dan tanggungjawab PPP adalah berbeza mengikut gred. Penjelasan peranan dan tanggungjawab PPP diperjelaskan seperti dalam rajah 1.1 dan jadual 1.1.



Diadaptasi daripada Kerangka Latihan dan Pembangunan Berasaskan Pertumbuhan (Khair, 2007)

Rajah 1.1: Peranan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Mengikut Gred

Jadual 1.1: Peranan dan Tanggungjawab PPP

Peranan	Gred	Tanggungjawab PPP
Pelaksana	DG41	Memahami dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penyeliaan dan bimbingan
Penggerak	DG44	Sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penyeliaan dan bimbingan yang minimum serta mampu menyelesaikan masalah
Pembimbing Dan Mentor	DG48	Berpengalaman luas, mampu menyelia dan membimbing serta berkebolehan melakukan <i>educated guess</i> masalah organisasi yang mungkin timbul dan melaksanakan langkah pencegahan
Peneraju Perubahan	DG52	Menjadi pakar rujuk, mentor dan pembimbing serta berkebolehan merancang dan melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam bidang-bidang tertentu
Pemikir Strategik	DG54	Memiliki kepakaran khusus dan berkebolehan mengurus perubahan secara cekap dan berkesan
Pemikir Holistik	Gred Khas	Memiliki pelbagai kepakaran dan berkebolehan menjadi pakar rujuk dalam merangka strategi yang komprehensif dan melaksanakan latihan yang tepat untuk memastikan kejayaan sesebuah organisasi

2.0 PANDUAN PENGGUNAAN

Bab ini menjelaskan penggunaan deskripsi tugas kepada PPP. Dokumen deskripsi tugas mengandungi komponen berikut:

- i. Bidang Keberhasilan Utama PPP menerangkan tentang bidang tugas utama PPP. Setiap kategori dan kumpulan PPP mempunyai bidang keberhasilan utama yang berbeza. Setiap aras bidang keberhasilan utama juga berbeza dari gred DG41 hingga Gred Khas C;
- ii. Gred/Tahap PPP yang bermula daripada gred DG41 hingga Gred Khas C kecuali bagi PPP kumpulan Pemimpin Sekolah/Institusi, Pemimpin Organisasi, SIPartner+ dan Pensyarah Institusi Pendidikan yang bermula dari gred DG 48:dan
- iii. Deskriptor yang menerangkan tentang aras bidang keberhasilan utama PPP mengikut gred PPP.

2.1 Kerangka Deskripsi Tugas

Jadual 2.1: Kerangka Deskripsi Tugas

Bidang Keberhasilan Utama	Gred/Tahap					
	Gred 41	Gred 44	Gred 48	Gred 52	Gred 54	Gred Khas
	Deskriptor					
* Contoh: Pemudahcara Pembelajaran dan Pentaksiran Menyampaikan andungan kurikulum ...						

* Contoh bidang keberhasilan utama untuk PPP kumpulan Guru Akademik bagi laluan PdP

2.2 Bidang Keberhasilan Utama

Laluan Kerjaya	Kategori PPP	Bidang Keberhasilan Utama Dalam Deskripsi Tugas PPP
PdP	Guru	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemudahcara Pembelajaran dan Pentaksiran 2. Pembangunan dan Pelaksanaan Kokurikulum 3. Pelibatan Dalam Pembelajaran Profesional 4. Pembentukan Jalinan dan Jaringan Kolaboratif Dengan Ibu Bapa, Komuniti Di dalam dan Luar Sekolah Serta Pengurusan KPM.

Laluan Kerjaya	Kategori PPP	Bidang Keberhasilan Utama Dalam Deskripsi Tugas PPP
PdP	Pensyarah Institusi Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemudahcara Pembelajaran dan Pentaksiran 2. Pelibatan Dalam Pembelajaran Profesional 3. Kajian dan Analisis 4. Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
	Guru Bimbingan dan Kaunseling	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian Diagnostik 2. Rekabentuk dan Implimentasi Program Kaunseling dan Bimbingan 3. Pembangunan dan Implimentasi Kokurikulum 4. Pelibatan dalam Pembelajaran Profesional 5. Berasaskan Perkongsian Komuniti
	SISC+	<ol style="list-style-type: none"> a) Perancangan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan Bidang Tugas 2. Perancangan dan Persediaan 3. Pengurusan Maklumat b) Pelaksanaan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Bimbingan/<i>Coaching & Mentoring</i> 2. Komunikasi 3. Intervensi
	Fasilinus	<ol style="list-style-type: none"> c) Penilaian: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan
	Pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rekabentuk dan Pembangunan Rehabilitasi (RPH) 2. Kajian dan Analisa 3. Konsultasi dan Advokasi

Laluan Kerjaya	Kategori PPP	Bidang Keberhasilan Utama Dalam Deskripsi Tugas PPP
Kepimpinan	Pemimpin Sekolah/Institusi Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Polisi Pendidikan 2. Kepimpinan Instruksional 3. Pengurusan Sumber dan Peruntukan 4. Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
	Pemimpin Organisasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Polisi Pendidikan 2. Kepimpinan dalam Organisasi 3. Pengurusan Sumber dan Peruntukan 4. Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
	SIPartner+	<ol style="list-style-type: none"> a) Perancangan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan Bidang Tugas 2. Perancangan dan Persediaan 3. Pengurusan Maklumat b) Pelaksanaan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Bimbingan/<i>Coaching & Mentoring</i> 2. Komunikasi 3. Intervensi c) Penilaian: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan
	Kaunselor Organisasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian Diagnostik 2. Rekabentuk dan Implimentasi Program Psikologi dan Kaunseling 3. Pembangunan dan Implimentasi Ko-Kurikulum 4. Pelibatan dalam Pembelajaran Profesional 5. Berasaskan Perkongsian Komuniti

3.0 DESKRIPSI TUGAS

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN:

3.1 Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

- 3.1.1 Guru Akademik
- 3.1.2 Pensyarah Institusi Pendidikan
- 3.1.3 Guru Bimbingan dan Kanseling
- 3.1.4 Pegawai Pusat Pendidikan Khas
- 3.1.5 Fasilinus dan SISC+

3.2 Laluan Kepimpinan

- 3.2.4 Pemimpin Sekolah/Institusi
- 3.2.5 Pemimpin Organisasi
- 3.2.6 SIPartner+
- 3.2.7 Kaunselor Organisasi

Deskripsi Tugas PPP Dalam
**Laluan Kerjaya
Pengajaran dan
Pembelajaran (PdP):**



Guru Akademik

DESKRIPSI TUGAS GURU AKADEMIK

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
<p>Pemudahcara Pembelajaran dan Pentaksiran</p> <p>Menyampaikan kandungan kurikulum di dalam bilik darjah melalui pelbagai kaedah pedagogi dan aplikasi yang melibatkan murid, dan mengaplikasikan teknik penilaian berkaitan yang boleh mencerminkan pembelajaran murid bagi mencapai hasil pembelajaran berkesan</p>	<p>Menyelesaikan masalah PdP</p> <p>Menjadi fasilitasi pembelajaran murid melalui perancangan dan pelaksanaan PdP yang dapat menarik perhatian dan minat murid serta memberi tujuan untuk pembelajaran</p> <p>Membantu melaksanakan kajian tindakan dan menggunakan hasil kajian untuk peningkatan PdP</p> <p>Merekod data yang tepat dan boleh dipercayai untuk memantau</p>	<p>Membuat keputusan dalam pelaksanaan PdP</p> <p>Menggunakan <i>project-based approaches</i>, pembelajaran teradun dan teknik penyzoalan yang menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam PdP</p> <p>Melaksanakan kajian/penyelidikan untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Mengaplikasikan pemahaman kepelbagaian budaya dan agama</p>	<p>Merangka panduan/arahan/peraturan pelaksanaan PdP</p> <p>Mendorong, memantau, dan menilai PdP</p> <p>Membimbing pelaksanaan kajian/penyelidikan untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Membangunkan falsafah PdP peribadi berdasarkan</p>	<p>Mencetus kreativiti dan inovasi dalam PdP</p> <p>Meneraju pemuafakatan strategik</p> <p>Menilai hasil kajian/penyelidikan untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Menggunakan pelbagai strategi PdP dan penilaian yang merentas</p>	<p>Menyelesai masalah pelaksanaan dasar</p> <p>Merangka strategi/idea baharu dalam pelaksanaan PdP</p> <p>Menghasilkan inovasi PdP</p> <p>Membimbing pelaksanaan kajian/penyelidikan untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Menunjuk cara model pembelajaran menggunakan strategi pengajaran</p>	<p>Menyelesai masalah pelaksanaan dasar</p> <p>Merangka strategi/idea baharu dalam pelaksanaan PdP</p> <p>Menghasilkan inovasi PdP</p> <p>Membimbing pelaksanaan kajian/penyelidikan untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Menjadi perunding cara model pembelajaran menggunakan strategi pengajaran</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
	<p>kemajuan murid dan memberi maklum balas mengenai prestasi murid serta penggunaan strategi penilaian yang sesuai</p> <p>Membimbing murid untuk mengamalkan pembelajaran sendiri</p>	<p>dalam pembelajaran murid serta keperluan <i>differentiated learning</i> setiap murid</p> <p>Menilai dan memantau pencapaian murid dengan menggunakan pelbagai strategi penilaian serta mengambil tindakan susulan untuk memberi maklum balas yang tepat kepada murid</p> <p>Memilih dan menggabungkan metodologi berkesan dalam PdP bagi mengenalpasti potensi murid</p>	<p>analisis pendekatan pengajaran yang berbeza</p> <p>Menyediakan program PdP yang khusus mengikut keperluan murid</p> <p>Menggunakan pelbagai kaedah untuk menilai dan merekod pencapaian murid</p>	<p>kurikulum yang dapat memenuhi profil dan kebolehan murid</p>	<p>dan pengurusan berkesan dalam lingkungan bidang kepakaran yang memberi inspirasi kepada murid di pelbagai profil, peringkat umur dan pembelajaran</p> <p>Mereka bentuk strategi penilaian merentas kurikulum yang berkesan dengan mengambil kira tahap kebolehan dan profil murid yang berbeza</p>	<p>dan pengurusan yang inovatif dalam lingkungan bidang kepakaran yang memberi inspirasi kepada murid di pelbagai profil, peringkat umur dan pembelajaran</p> <p>Melibatkan diri sebagai perunding cara berkaitan penilaian pembelajaran</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
	<p>TUGAS UTAMA GURU DALAM SESI PdP:</p> <p>A. Pelaksana/Pentaksiran Kurikulum:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mentafsir/melaksana kurikulum yang ditetapkan (ii) Merancang aktiviti PdP (iii) Menyedia bahan PdP (iv) Menyampaikan PdP (teori dan amali) (v) Merancang, memeriksa dan menyemak kerja latihan murid (vi) Merancang, menyedia bahan/item penilaian dan pembelajaran murid (vii) Merekod dan menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid (viii) Membuat refleksi dan menambahbaik proses PdP dari semasa ke semasa <p>B. Pengurusan Kelas dan Kemenjadian Murid:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mengurus kelas termasuk memastikan suasana pembelajaran yang kondusif (ii) Merekod dan memantau kehadiran murid (iii) Memastikan keselamatan dan kebajikan murid dalam bilik darjah (iv) Memastikan kemenjadian murid melalui bimbingan serta galakan untuk melahirkan murid yang cemerlang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan social 					

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
Pembangunan dan Pelaksanaan Kurikulum Merekabentuk dan melaksanakan aktiviti kurikulum mengikut bidang kepakaran yang boleh menyumbang kepada pembangunan holistik murid	Membantu merancang aktiviti dan bahan kurikulum Melaksana aktiviti kurikulum yang ditetapkan Menilai prestasi murid dalam kurikulum Merekod dan menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid dalam kurikulum	Merancang aktiviti dan bahan kurikulum Melaksana aktiviti kurikulum yang ditetapkan Menilai prestasi murid dalam kurikulum Merekod dan menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid dalam kurikulum	Merancang aktiviti dan bahan kurikulum Melaksana aktiviti kurikulum yang ditetapkan Menilai prestasi murid dalam kurikulum Merekod dan menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid dalam kurikulum	Merancang aktiviti dan bahan kurikulum Memastikan prestasi murid dalam kurikulum dinilai Menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid dalam kurikulum Menilai keberkesanan aktiviti kurikulum dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti kurikulum dari semasa ke semasa	Merancang program intervensi dalam aktiviti kurikulum Menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid dalam kurikulum Menilai keberkesanan aktiviti kurikulum dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti kurikulum dari semasa ke semasa Menjalankan tugas yang diarahkan dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum dari semasa ke semasa	Merancang aktiviti dan bahan koakademik Menilai prestasi murid dalam koakademik Merekod dan menganalisis keputusan penilaian murid untuk tindakan penambahbaikan prestasi murid dalam koakademik Menilai keberkesanan aktiviti koakademik dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti koakademik dari semasa ke semasa

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
	Menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Menjalankan tugas yang diarahkan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Menterjemah perancangan kokurikulum kebangsaan dalam bidang kepakaran mengajar dan menyelaraskan perancangan dengan matlamat, kehendak dan keperluan sekolah berdasarkan perbezaan profil	Mencetus, merancang dan memudah cara pembentukan konsep dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang bersepadu dalam pengkhususan bidang kepakaran (cth: koakademik,) dan memastikan sekolah-sekolah dalam Negara untuk mengekalkan pembangunan kesejahteraan murid (pembangunan mental, fizikal dan social) dan/atau kelompok murid berkeperluan khusus (murid pintar, murid berisiko, murid berbakat dan pemimpin pelapis)
	Menjalankan tugas yang diarahkan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Menjalankan tugas yang diarahkan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Menjalankan tugas yang diarahkan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum dari semasa ke semasa	Memimpin kelompok sekolah dalam mereka bentuk kokurikulum yang bersepadu dalam pengkhususan bidang kepakaran (cth: koakademik)	Menetapkan sistem/tapak untuk pelaksanaan aktiviti/program kokurikulum yang bersepadu di sekolah-sekolah	
	Melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersepadu dalam pengkhususan bidang kepakaran (cth: koakademik) dengan bimbingan supaya dapat mengekalkan minat murid dan	Mereka bentuk dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersepadu dalam pengkhususan bidang kepakaran (cth: koakademik) dengan bimbingan supaya dapat mengekalkan minat	Memimpin dan memberi bimbingan dalam mereka bentuk aktiviti kokurikulum yang bersepadu dalam pengkhususan bidang kepakaran (cth: koakademik)	Memastikan sekolah mengekalkan pembangunan kesejahteraan murid (pembangunan mental, fizikal dan social) dan/atau		

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
	menyokong pembangunan mental, fizikal dan sosial murid	murid dan menyokong pembangunan mental, fizikal dan sosial murid		kelompok murid berkeperluan khusus (murid pintar, murid berisiko, murid berbakat dan pemimpin pelapis)		

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
<p>Pelibatan Dalam Pembelajaran Profesional</p> <p>Memahami kehendak dan keperluan pembelajaran dan pembangunan profesionalisme dan membuat aplikasi kepada diri serta rakan sejawat agar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri serta menyumbang kepada budaya pembelajaran</p>	<p>Menghadiri mesyuarat berkaitan peningkatan akademik/pencapaian sekolah atau tugas rasmi seperti yang diarahkan oleh Pengetua</p> <p>Menyumbang kepada peningkatan PdP, sekolah/institusi dan bidang pendidikan</p> <p>Menerima bimbingan untuk penambahbaikan PdP termasuk program pembangunan guru baharu (PPGB) DG41</p> <p>Menjadi ahli panitia mata pelajaran untuk meningkatkan prestasi PdP</p> <p>Melibatkan diri sebagai peserta dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) untuk penambahbaikan PdP</p>	<p>Menghadiri mesyuarat berkaitan peningkatan akademik/pencapaian sekolah atau tugas rasmi seperti yang diarahkan oleh Pengetua</p> <p>Memberi inspirasi dan motivasi kepada rakan sejawatan</p> <p>Memberi khidmat bimbingan dan mentor kepada guru baharu</p> <p>Menjadi ahli panitia mata pelajaran untuk meningkatkan prestasi PdP</p> <p>Melaksanakan perkongsian ilmu dan dalam KPP dan membimbing guru-guru di peringkat pelaksana (DG41)</p>	<p>Membimbing dan memudahcara pembangunan profesionalisme secara berterusan</p> <p>Menghadiri mesyuarat berkaitan peningkatan akademik/pencapaian sekolah atau tugas rasmi seperti yang diarahkan oleh Pengetua</p> <p>Menyumbang kepada peningkatan PdP, sekolah/ institusi dan bidang pendidikan</p> <p>Memberi khidmat bimbingan dan mentor kepada rakan sejawat</p> <p>Menjadi ahli panitia/Ketua Panitia mata pelajaran untuk meningkatkan prestasi PdP</p> <p>Memberi khidmat kepakaran kepada guru lain dalam menjayakan KPP</p>	<p>Membangunkan komuniti pembelajaran</p> <p>Menghadiri mesyuarat berkaitan peningkatan akademik/pencapaian sekolah atau tugas rasmi seperti yang diarahkan oleh Pengetua</p> <p>Menyumbang kepada peningkatan pdp, sekolah/institusi dan bidang pendidikan</p> <p>Memberi khidmat bimbingan dan mentor kepada rakan sejawat dan rakan di peringkat daerah</p> <p>Menjadi Ketua Panitia mata pelajaran untuk meningkatkan prestasi PdP</p> <p>Memberi khidmat kepakaran kepada guru lain dalam menjayakan KPP di peringkat daerah</p>	<p>Menggerak komuniti pembelajaran</p> <p>Menghadiri mesyuarat berkaitan peningkatan akademik/pencapaian sekolah atau tugas rasmi seperti yang diarahkan oleh Pengetua</p> <p>Menyumbangkan kepada peningkatan PdP, sekolah/institusi dan bidang pendidikan</p> <p>Memberi khidmat bimbingan dan mentor kepada rakan sejawat dan rakan di peringkat negeri</p> <p>Mencetus idea/inovasi/ penambahbaikan PdP dalam panitia masing-masing</p> <p>Merancang aktiviti KPP sepanjang tahun dan menyediakan pelan taktikal di peringkat negeri</p>	<p>Mencetus idea/inovasi/ penambahbaikan PdP dalam panitia masing-masing</p> <p>Menghadiri mesyuarat berkaitan peningkatan akademik/pencapaian sekolah atau tugas rasmi seperti yang diarahkan oleh Pengetua</p> <p>Menyumbangkan kepada peningkatan PdP, sekolah/institusi dan bidang pendidikan</p> <p>Memberi khidmat kepakaran kepada rakan sejawat dan rakan di peringkat kebangsaan</p> <p>Memberi khidmat kepakaran kepada guru lain dalam panitia</p> <p>Meneraju aktiviti KPP di peringkat kebangsaan</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
	<p>Melibatkan diri dalam pelaksanaan kajian tindakan untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Meneroka pendekatan PdP untuk meningkatkan pengetahuan dan amalan dalam kemahiran PdP</p> <p>Menjalani pembelajaran profesional secara formal dan tidak formal untuk membantu dan memperluaskan pengetahuan dan kemahiran dalam PdP</p>	<p>Merancang dan melaksana kajian tindakan kajian untuk penambahbaikan PdP</p> <p>Melaksanakan perkongsian ilmu dalam peningkatan PdP untuk menyokong pembelajaran profesional guru-guru di peringkat pelaksana (DG41)</p> <p>Mengenal pasti keperluan profesionalisme melalui refleksi dan mendapatkan maklum balas serta hala-tuju dari pelbagai sumber</p>	<p>Membimbing rakan sejawat dalam melaksanakan kajian tindakan</p> <p>Menyedia, menghasilkan dan berkongsi bahan akademik bersama rakan sejawat</p> <p>Menyedia, menghasilkan dan membentangkan bahan akademik atau hasil penyelidikan pendidikan</p> <p>Merancang program-program pembangunan untuk memenuhi keperluan semasa guru-guru kearah komuniti pembelajaran di sekolah dalam PdP</p> <p>Menjadi pembimbing professional rakan-rakan sekerja dan berkongsi ilmu dalam pedagogi pengajaran dan bidang</p>	<p>Merancang dan meneraju pelaksanaan kajian tindakan di peringkat daerah</p> <p>Menyedia, menghasilkan dan membentangkan bahan akademik atau hasil penyelidikan pendidikan di peringkat daerah</p> <p>Menghasilkan penyelidikan pembangunan program berdasarkan keperluan semasa untuk menjana idea-idea inovatif.</p> <p>Mereka bentuk dan mengetuai pembelajaran profesional yang berkesan untuk guru-guru akademik</p> <p>Menjadi pembimbing professional rakan sejawat dalam kelompok murid berkeperluan khusus</p>	<p>Memberi khidmat kepakaran kepada guru lain dalam menjayakan kajian tindakan di peringkat negeri</p> <p>Menyedia, menghasilkan dan membentangkan bahan akademik atau hasil penyelidikan pendidikan di peringkat negeri</p> <p>Menyumbang kepada peningkatan pdp, sekolah/institusi dan bidang pendidikan</p> <p>Menyediakan dan memacu sistem sokongan untuk mewujudkan budaya penyelidikan di seluruh kelompok sekolah</p> <p>Mentaksir semula reka bentuk program-program pembangunan untuk memenuhi keperluan rakan-rakan dalam kluster sekolah-</p>	<p>Memberi khidmat kepakaran dalam melaksanakan kajian tindakan di peringkat kebangsaan</p> <p>Menyedia, menghasilkan dan membentangkan bahan akademik atau hasil penyelidikan pendidikan di peringkat kebangsaan</p> <p>Meneraju perundingan berkaitan amalan penyelidikan dalam kebitaraan PdP untuk menyumbang kepada pembinaan budaya dan amalan penyelidikan</p> <p>Menjadi contoh kepimpinan dalam profesionalisme bidang pengajaran</p> <p>Meneraju perundingan untuk peningkatan profesionalisme guru-guru</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
					<p>sekolah melalui pendekatan PdP</p> <p>Menjadi pakar rujuk dalam metodologi dan pedagogi PdP kepada semua sekolah dalam mengoptimumkan objektif pembelajaran semua murid</p>	<p>Menetapkan standard dan menjadi pakar rujuk dalam metodologi dan pedagogi baru PdP kepada semua sekolah dalam mengoptimumkan objektif pembelajaran semua murid</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
Pembentukan Jalinan dan Jaringan Kolaboratif dengan Ibu Bapa, Komuniti di dalam dan luar Sekolah serta Pengurusan KPM Menarik penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam PdP agar dapat mengoptimumkan hasil pembelajaran murid	Membantu merancang jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Membantu merancang dan melaksana jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Membantu merancang dan melaksana jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Merancang jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Merancang jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Menjalinkan jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar
	Menghubungkan jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Menjalinkan jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Menjalinkan jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Menjalinkan jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Menjalinkan jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar	Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan
	Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan	Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan	Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan	Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan	Mewujudkan usaha kolaboratif dengan rakan sejawat dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan	Membantu merancang dan melaksana jalinan dan jaringan kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan komuniti di dalam dan luar sekolah/institusi serta agensi luar
	Meneroka perkongsian dengan	Menjalinkan kerjasama dan	Menjalinkan kerjasama dan	Menjalinkan kerjasama dan	Menjalinkan kerjasama dan	Menjalinkan kerjasama dan

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
	<p>murid, rakan-rakan sejawat, ibu bapa dan komuniti sekolah</p> <p>Menghormati murid sebagai individu, bertindak balas terhadap keperluan murid dengan empati, dan memberi bimbingan kepada murid dan membuat intervensi sebagai tindakan susulan untuk perkembangan potensi murid</p> <p>Bekerjasama dengan rakan-rakan sekerja dengan mengambil kira nilai-nilai perspektif yang berbeza</p>	<p>usaha kolaboratif dengan PPD dan JPN</p> <p>Memulakan dan mewujudkan perkongsian dengan ibu bapa dan murid dengan menyediakan maklumat berterusan 'seperti perbincangan berkaitan kemajuan akademik, hal-hal disiplin, dan lain-lain</p> <p>Mengekalkan hubungan baik dengan murid dan mengambil berat dan menggalakkan perkembangan murid</p>	<p>usaha kolaboratif dengan PPD dan JPN</p> <p>Memimpin usaha kolaboratif dengan guru di sekolah dalam aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan</p> <p>Meluaskan peluang jaringan hubungan yang berkualiti dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan murid, rakan sejawat, dan komuniti yang lebih luas secara berterusan</p> <p>Memberi peluang yang luas kepada ibu bapa untuk</p>	<p>usaha kolaboratif dengan PPD dan JPN</p> <p>Memimpin usaha kolaboratif dengan guru di dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan</p> <p>Memimpin usaha kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan agensi luar dalam aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan</p> <p>Mewujudkan kerjasama dan melaksanakan</p>	<p>usaha kolaboratif dengan PPD, JPN dan Bahagian KPM</p> <p>Memimpin usaha kolaboratif dengan guru di dalam dan luar sekolah bagi aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan</p> <p>Memimpin usaha kolaboratif dengan ibu bapa, masyarakat dan agensi luar dalam aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan</p> <p>Memulakan proses untuk mengenal pasti, memahami</p>	<p>Menjalinkan kerjasama dan usaha kolaboratif dengan PPD dan JPN</p> <p>Memimpin usaha kolaboratif dengan guru di sekolah dalam aktiviti berkaitan peningkatan PdP dan pendidikan</p> <p>Merangka strategi masa depan dan hubungan jangka panjang untuk mengukuhkan komunikasi dua hala bersama ibu bapa dan komuniti tentang isu-isu pembangunan kesejahteraan murid di sekolah-sekolah dalam negeri</p> <p>Memimpin sekolah</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
			<p>terlibat dalam pembangunan PdP secara holistik untuk perkembangan murid</p> <p>Mengekalkan <i>rapport</i> yang kukuh, mengambil berat dan perihatin terhadap murid</p> <p>Menyediakan panduan yang berkesan kepada murid secara konsisten dan mengambil tindakan yang perlu/membuat rujukan untuk intervensi professional di peringkat tertentu</p>	<p>strategi hubungan positif guru-ibu bapa, sekolah-komuniti di sekolah-sekolah dalam daerah</p> <p>Menjadi suri teladan kepada pihak lain dalam menjaga dan menguruskan kesejahteraan murid</p> <p>Bekerjasama dengan guru-guru daripada bidang lain untuk mereka bentuk dan melaksanakan program bimbingan PdP di sekolah untuk pelbagai kelompok murid di sekolah</p>	<p>dan menyampaikan kepada ibu bapa dan komuniti tentang kepentingan pembangunan diri murid secara keseluruhan dalam pelbagai bidang di sekolah-sekolah dalam Daerah</p> <p>Mengekalkan jaringan hubungan dengan sekolah dan komuniti yang lebih meluas untuk memberikan bimbingan dengan kepelbagain bidang kepakaran pendidikan</p> <p>Menjadi <i>role- model</i> dan mentor kepada pihak lain dalam menjaga dan menguruskan kesejahteraan murid</p> <p>Bekerjasama</p>	<p>dalam Negeri untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman guru-guru tentang peranan sekolah dan komuniti</p> <p>Bekerjasama dengan guru-guru daripada bidang lain untuk merangka strategi program bimbingan PdP yang inovatif dan berkesan di peringkat negeri berdasarkan dapatan kajian bagi mengekalkan motivasi secara berterusan dalam kalangan pelbagai kelompok murid</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
					dengan guru-guru daripada bidang lain untuk menterjemahkan konsep perancangan dan pelaksanakan program bimbingan PdP secara meluas di sekolah-sekolah dalam daerah kepada pelbagai kelompok murid	

Deskripsi Tugas PPP Dalam
**Laluan Kerjaya
Pengajaran dan
Pembelajaran (PdP):**



**Pensyarah
Institusi
Pendidikan**

DESKRIPSI TUGAS PENSYARAH INSTITUSI PENDIDIKAN

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP			
	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR			
<p>Fasilitasi Pembelajaran dan Pentaksiran</p> <p>Menyampaikan kandungan kurikulum di dalam bilik darjah melalui pelbagai kaedah pedagogi dan aplikasi yang melibatkan murid, dan mengaplikasikan teknik penilaian berkaitan yang boleh mencerminkan pembelajaran murid bagi mencapai hasil pembelajaran berkesan</p>	<p>Membina falsafah pengajaran dan pembelajaran sendiri berasaskan kepada analisis yang ekstensif daripada pelbagai pendekatan pengajaran (berasaskan penyelidikan)</p> <p>Menyediakan kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan pelajar</p> <p>Membimbing dan memberi autonomi kepada pelajar melalui pembelajaran terarah sendiri</p> <p>Menggunakan pelbagai metodologi pentaksiran untuk mentaksir dan merekod prestasi pelajar</p>	<p>Meneroka pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran</p> <p>Melestarikan autonomi pelajar melalui perbincangan hasil pembelajaran bersama dengan pelajar</p> <p>Mengaplikasikan amalan berasaskan eviden untuk membimbing pelajar ke arah tahap pembelajaran yang lebih tinggi</p>	<p>Mengamalkan dan menjadi model bagi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berdasarkan penyelidikan dan amalan terbaik.</p> <p>Mereka bentuk strategi pentaksiran yang berkesan dan sejajar dengan hasil pembelajaran seperti yang dinyatakan dalam dokumen kurikulum</p>	<p>Menjadi model amalan pengajaran dan pembelajaran terbaik</p> <p>Merancang strategi terbaik dengan melibatkan pakar dan komuniti pembelajaran untuk memenuhi keperluan pendidikan semasa</p> <p>Menjadi pakar rujuk berkaitan pentaksiran pembelajaran</p>
<p>Pelibatan dalam Pembelajaran Profesional</p> <p>Memahami kehendak dan keperluan pembelajaran dan pembangunan</p>	<p>Mengambil bahagian dalam pembelajaran profesional dan memberi sokongan kepada pembelajaran profesional rakan sejawat</p> <p>Membuat refleksi yang kritikal dan merancang program</p>	<p>Mereka bentuk dan membimbing pembelajaran profesional rakan sejawat</p> <p>Mereka bentuk program pembelajaran profesional</p>	<p>Memberi khidmat konsultasi dan sokongan dalam membudayakan penyelidikan di peringkat daerah/negeri/kebangsaan/antarabangsa untuk memperkasakan pembangunan pembelajaran profesional warga pendidik</p>	<p>Menjadi peneraju dan pakar rujuk dalam pembelajaran profesional</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP			
	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR			
profesionalisme dan membuat aplikasi kepada diri serta rakan sejawat agar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri serta menyumbang kepada budaya pembelajaran	<p>untuk membangunkan komuniti pembelajaran dalam institusi</p> <p>Memberi bimbingan pembelajaran profesional kepada rakan sejawat dan pelajar</p> <p>Melaksanakan penyelidikan berasaskan sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>berasaskan penyelidikan berdasarkan refleksi kritikal dan mengaplikasi idea inovatif untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p> <p>Mereka bentuk dan memimpin pembelajaran profesional yang berkesan untuk rakan sejawat</p>	<p>Menilai dan merencana semula program untuk memenuhi keperluan pembangunan pembelajaran profesional rakan sejawat (para pensyarah)</p>	<p>Memberi khidmat konsultasi dalam pembangunan program pembelajaran profesional warga pendidik</p>
<p>Kajian dan Analisis</p> <p>Mengendalikan kajian dan analisis yang meluas yang menyumbang kepada perkembangan dalam pelbagai aplikasi dan meningkatkan pengetahuan dalam kepakaran</p>	<p>Menjalankan penyelidikan berasaskan sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>Merancang dan menjalankan penyelidikan berasaskan sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>Mereka bentuk, merancang dan menjalankan penyelidikan berasaskan sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p> <p>Memberi khidmat konsultasi dan sokongan dalam bidang penyelidikan berasaskan sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>Menjadi peneraju dan pakar rujuk dalam bidang amalan penyelidikan dalam pendidikan</p> <p>Menjadi peneraju dalam bidang penyelidikan berasaskan sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran</p> <p>Menjadi model amalan penyelidikan terbaik</p>
<p>Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia</p>	<p>Membangun dan berkongsi pengetahuan/kepakaran melalui hubungan kerjasama dalam institusi dan komuniti</p>	<p>Mewujudkan kolaboratif dan strategi komunikasi untuk memupuk perkongsian positif antara institusi dan komuniti.</p>	<p>Merancang proses/program perkembangan pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman</p>	<p>Merancang strategi hubungan kerjasama secara berterusan antara pemegang taruh dan komuniti berkaitan isu</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN/TAHAP			
	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR			
Mengurusi tingkahlaku dan memotivasikan sumber manusia idalam membangun dan mengoptimimum potensi individu secara menyeluruh untuk mencapai matlamat organisasi	Menyediakan peluang dan menjalinkan hubungan/perkongsiian pintar dalam kalangan pelajar, rakan seawat, ahli akademik dan komuniti.	Menyediakan peluang kepada pemegang taruh untuk melibatkan diri dalam program pengajaran dan pembelajaran.	<p>dan penambahbaikan dalam isu pendidikan dan kandungan kurikulum di peringkat institusi pendidikan , komuniti setempat dan pengantarabangsaan</p> <p>Merancang proses/program kepada pemegang taruh bagi mengenalpasti, memahami dan menangani isu pembelajaran dan kandungan kurikulum</p> <p>Membina dan melihara hubungan antara pihak sekolah dan komuniti dengan memberi khidmat nasihat dan rujukan berkaitan pengajaran dan pembelajaran.</p>	<p>pengajaran dan pembelajaran</p> <p>Mengadakan jaringan kerjasama yang berkesan dengan pemegang taruh dan komuniti</p> <p>Merangka program kolobaratif baharu untuk memperoleh sumber yang lebih luas bagi meningkatkan kerelevanan pengajaran dan pembelajaran</p> <p>Meneraju bidang pendidikan dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai institusi pendidikan, komuniti setempat dan pengantarabangsaan</p>

Deskripsi Tugas PPP Dalam
**Laluan Kerjaya
Pengajaran dan
Pembelajaran (PdP):**



**Guru
Bimbingan dan
Kaunseling**

DESKRIPSI TUGAS GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
Penilaian Diagnostik	Melaksanakan penilaian diagnostik psikologi di sekolah untuk murid dengan bimbingan	Memilih dan Melaksanakan penilaian diagnostik psikologi di sekolah untuk murid berdasarkan keperluan murid	Menyesuai dan mengguna pakai penilaian diagnostik psikologi yang sesuai di sekolah untuk murid	Mengkaji dan mencadangkan keberkesanan pengintegrasian penilaian diagnostik psikologi yang wajar (termasuk ujian psikometrik) terhadap kes melibatkan murid dengan kepelbagaian keperluan psikologikal merentas sekolah-sekolah lain di daerah	Menilai keperluan dan kehendak mengikut kepelbagaian murid dan pelbagai kluster sekolah bertujuan untuk mengkaji dan mencadangkan alat diagnostik psikologi yang bersesuaian, diadaptasi atau aplikasi terhadap alat penilaian diagnostik sedia ada Memurnikan dan mengawalselia pelaksanaan penilaian diagnostik yang diintegrasikan (termasuk ujian psikometrik terhadap kes-kes murid dengan pelbagai keperluan	Terlibat dalam konsultasi penilaian diagnostik psikologi dan menetapkan standard untuk penilaian diagnostik sekolah-sekolah di Malaysia Bekerjasama dengan ahli akademik dan ahli psikologi lain untuk menunjukkan model sesi dan teknik kaunseling menggunakan penilaian diagnostik dan kaedah inovatif

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
					psikologi)	yang lebih relevan kepada konteks dan keperluan rakyat Malaysia
Rekabentuk dan Implimentasi Program Kaunseling dan Bimbingan	<p>Mengguna pakai pendekatan kaunseling dan program terapi (sesi kaunseling dan intervensi) kepada individu murid yang memerlukan khidmat bantu di sekolah dengan bimbingan (minimum 100 sesi kaunseling individu setahun dan 40 sesi kaunseling kelompok setahun)</p> <p>Melaksanakan agensi luar yang boleh memberi manfaat kepada murid sekolah dengan bimbingan</p>	Melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersepadu dalam pengkhususan bidang kepakaran (cth: koakademik) dengan bimbingan supaya dapat mengekalkan minat murid dan menyokong pembangunan mental, fizikal dan sosial murid	<p>Memurni, menambahbaik dan membangunkan secara terperinci dan komprehensif pendekatan kaunseling dan program terapi untuk murid.</p> <p>Memurni, menyesuaikan, memacu dan memantau pelaksanaan program-program oleh agensi-agensi luar yang memberi manfaat kepada sekolah, merangkumi keberkesanan</p>	<p>Mereka bentuk dan membangunkan pendekatan kaunseling dan program terapi untuk murid</p> <p>Menggunakan kepelbagaian strategi kaunseling yang bersepadu dan memenuhi kepelbagaian keperluan psikologi murid</p>	<p>Menunjuk cara model kaunseling/ sesi terapi/teknik di sekolah-sekolah dalam negeri dengan menggunakan pendekatan teknik kaunseling yang terbukti berkesan berdasarkan kepakaran Individu</p> <p>Memacu dalam mereka bentuk dalam pembangunan program kaunseling/program terapi murid yang kompleks, kepelbagaian, isu-isu psikologi, incorporating pelbagai faktor</p>	<p>Menunjukcara modelkaunseling/ sesi terapi/teknik di sekolah-sekolah dalam negeri dengan menggunakan pendekatan teknik kaunseling yang inovatif mengikut bidang kepakaran individu</p> <p>Berkolaborasi dalam merekabentuk pembangunan program kaunseling/terapi murid dengan pelbagai isu yang kompleks, isu psikologi(terutama isu-isu yang baharu dalam</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
			<p>pentaksiran dan penambahbaikan (minimum 100 sesi kaunseling individu setahun dan 40 sesi kaunseling kelompok setahun)</p>	<p>Membuat refleksi secara kritikal dalam perancangan bimbingan dan kaunseling yang bersepadu. (minimum 60 sesi kaunseling individu setahun dan 25 sesi kaunseling kelompok setahun)</p>	<p>secara langsung dan tidak langsung di samping mengambil kira kompleksiti masalah psikologi dan merangka program terapi bersepadu di mana perlu untuk menangani faktor-faktor ini</p> <p>Memacu perancangan dan mengawal selia pelaksanaan program kesedaran Bimbingan dan Kaunseling melibatkan rangkaian jaringan masyarakat setempat (minimum 60 sesi kaunseling individu setahun dan 25 sesi kaunseling kelompok setahun)</p>	<p>konteks Malaysia menangani langkah-langkah pencegahan berdasarkan trend semasa, penemuan baharu dan amalan terbaik)</p> <p>Menyusun atur secara strategik pelaksanaan program-program kesedaran Bimbingan dan Kaunseling melibatkan rangkaian jaringan masyarakat yang lebih luas (melampaui sempadan komuniti sekolah)</p>

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA	GRED/PERANAN					
	GRED 41 PELAKSANA	GRED 44 PENGGERAK	GRED 48 PEMBIMBING	GRED 52 PENERAJU PERUBAHAN	GRED 54 PEMIKIR STRATEGIK	GRED KHAS PEMIKIR HOLISTIK
	DESKRIPTOR					
